


# WARISAN



Persatuan Sejarah Malaysia  
Cabangan Negeri Sembilan  
Keluaran 7 1982 / 1983

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**SIDANG PENGARANG WARISAN**

**PENGARANG KEHORMAT**

*Encik Mazlan bin Abdullab, AMN, PJK.*

**PENOLONG PENGARANG**

*Encik Ahmad Kamal bin Marzuki*

*Encik Ibrahim bin Mustafa*

*Encik Mohd. Isa bin Mohd. Jadi*

**REKABENTUK**

*Encik Ibrahim bin Jaafar*

*Encik Sharif bin Abdullab*

**KEWANGAN & PEMASARAN**

*Encik Tan Ghee Peng, AMN.*

Warisan adalah Jurnal tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan penerbitan Jurnal ini ialah untuk memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Segala sumbangan artikel adalah sangat dihargai dan hendaklah dihantar kepada:

*Pengarang Kehormat,*

*Jurnal Warisan,*

*Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan,*

*d/a, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan,*

*Seremban.*

*(Telefon: 73481-73485)*

Pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam artikel-artikel di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Keluaran 7 1982/1983**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap  
 Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri  
 Sembilan.

2

Rencana Pengarang

3

Senarai Nama AJK Persatuan Sejarah Malaysia CNS, 1982 –  
 1983

4

Senarai Nama AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS, 1982 – 1983

5

Senarai Nama AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS, 1982 – 1983

5

Kampung Linggi: Beberapa Aspek Mengenai Sistem Perhambaan  
 nya Dalam Abad Ke 18 dan 19

**Johari bin Talib.**

6

Dikir Rebana di Rembau

**Yaakub bin Idrus.**

16

Pembentukan Pentadbiran Jelebu – Akhir Abad ke 19

**Othman bin Hj. Abu Bakar.**

24

Adat Minangkabau Sebelum Zaman Parapatieh: Suatu penge-  
 nalan Ringkas

**Norhalim bin Hj. Ibrahim.**

31

Permainan Dam Melayu

**Ismail bin Abd. Hadi.**

43

Jelebu Dalam Sejarah

**Ibrahim bin Mustafa.**

52

Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang Seni Bina.

**Yaakub bin Idrus.**

60

Nama Baru Jalan-jalan Bandar Seremban

70

Laporan Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri  
 Sembilan 1982–1983.

73



KATA-KATA ALUAN  
MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan kerana berjaya menerbitkan majallahnya bagi kali yang ke tujuh.

Saya menaruh harapan semoga usaha murni ini akan berterusan pada setiap tahun dalam usaha memaparkan segala bahan yang berkaitan dengan sejarah negeri ini bagi tatapan rakyat keseluruhannya.

Rencana-rencana serta tulisan-tulisan yang berunsur sejarah ini sudah barang tentu akan memberi manfaat kepada setiap pemilik majallah ini kerana ia akan dapat memberikan gambaran yang secukupnya mengenai peristiwa dan catatan zaman lampau.

Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama bagi generasi muda dalam usaha menghayati segala catatan-catatan sejarah zaman silam negeri ini.

Selaku Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa para cendiakawan supaya tampil ke hadapan bagi merakamkan segala bahan-bahan sejarah samada dalam rupa bentuk pengalaman, catitan serta memoir untuk terus dihayati oleh golongan muda negeri ini.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh golongan ini, tidak syak lagi ia sedikit sebanyak akan membantu Persatuan ini untuk mengumpul sebanyak bahan yang mungkin bagi dimuatkan di dalam majallah seumpama ini bagi penerbitan seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada persatuan ini di atas daya usaha yang telah diambil untuk mengendalikan penerbitan majallah ini.

Salam takzim.

(DATO' MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

Menteri Besar  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN  
15hb. Ogos, 1983.

## **RENCANA PENGARANG.**

Jurnal WARISAN kali ini terbit lewat sedikit dari jadualnya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya untuk menerbitkan sebuah jurnal yang berunsur sejarah seperti ini terpaksa menghadapi banyak halangan. Tidak ramai golongan cendekiawan dan tokoh sejarah yang mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan karya sejarah bagi tatapan umum. Bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya masih banyak yang belum dikaji, diusahakan serta dipaparkan kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan dan keazaman Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan untuk mengabadikan bahan-bahan sejarah yang banyak terdapat berselerak di seluruh Negeri Sembilan dalam jurnal ini.

Usaha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan sejarah bukan sahaja menjadi tugas tokoh-tokoh sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga patut dipupuk dan diperkembangkan bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap sejarah boleh memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah sejarah tersebut, khususnya sejarah lisan, akan luput dan hilang ditelan zaman yang berkembang pesat, khasnya di zaman sains dan teknologi ini.

Peranan sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. Dalam kegairahan kita mengejar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat terhadap sejarah semakin berkurangan. Menyedari kelemahan ini, Kerajaan Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Sembilan khasnya, sedang mengambil langkah-langkah yang konkret, positif dan berkesan untuk meletakkan sejarah pada perspektif yang betul. Sesuatu bangsa yang lemah ialah bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya sendiri yang dapat dibanggakan!. Sikap sensitif terhadap sejarah patut ada pada setiap rakyat negeri ini.

Jurnal Warisan keluaran 7 memuatkan artikel-artikel yang berunsur politik/pentadbiran dan juga kebudayaan/kesenian/sosial. Kepada para penyumbang artikel, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih. Sumbangan mereka adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Untuk membolehkan jurnal ini diterbitkan pada setiap tahun,kami memerlukan sumbangan artikel dari para pembaca, peminat sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tempatan dan tanah air.

**Pengarang Kehormat,  
Jurnal WARISAN Keluaran 7 1982/1983.**

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

<b>Yang Di Pertua</b>	<i>Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC., Menteri Besar Negeri Sembilan.</i>
<b>Naib Yang Di Pertua :</b>	<i>Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan. (Dr. Wan Mohd. Zabid bin Mohd. Noordin, KMN, PPT) sehingga 31.12.1982. (Encik Khalid bin Mohd. Jamin, KMN, BSI, PIS, PJK) mulai dari 1.1.1983.</i>
<b>Setiausaha Kehormat :</b>	<i>Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.</i>
<b>Penolong Setiausaha :</b>	<i>Encik Abdul Aziz bin Salleh.</i>
<b>Bendahari :</b>	<i>Encik Tan Ghee Peng, AMN.</i>
<b>Ahli Jawatankuasa :</b>	<i>Encik Nordin bin Bakeri. Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tuan Syed Jaafar bin Syed Abd. Rabman, PJK. Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman. Puan Kamariah bte Hj. Sabeb.</i>
<b>Pengerusi Daerah :</b>	<i>Tuan Hj. Hisham bin Hj. Omar (Tampin). Encik Mohd. Zabidin bin Sidek (Kuala Pilah). Encik Abdullah bin Salleh (Rembau). Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor, PJK (Seremban). Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK (Jelebu) sehingga 31.8.82. YB. Encik Abd. Kadir bin Kassim, AMN, PMC, PJK (Jelebu). Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson). Encik Idris bin Hussein (Jempol).</i>
<b>Pemeriksa Kira-Kira</b>	<i>Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK. Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais, PJK,</i>

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

<b>Pengerusi</b>	<i>Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.</i>
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	<i>Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman, Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK, Encik Nordin bin Bakeri, Encik Abdul Aziz bin Salleh, Encik Ibrabim bin Mustafa, Puan Kamariah bte. Hj. Sabeh, Puan Noraini bte. Ali, PJK, Puan Echam bte. Hj. Hassan.</i>

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

<b>Pengerusi</b>	<i>Encik Hashim bin Jase, AMN.</i>
<b>Setiausaha</b>	<i>Encik Ramthan bin Hj. Maarof, PJK.</i>
<b>Pen. Setiausaha</b>	<i>Encik Mohd. Misan bin Mastor.</i>
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	<i>Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK, Encik Abd. Hamid bin Idris, Encik Mustafa bin Hj. Sharif, Encik Mohd. Hisa bin Tahat, Encik Tan Ghee Peng, AMN. Encik Ahmad bin Sibat, Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK, Encik Ibrabim bin Mustafa, Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK, Puan Hj. Aisbah bte. Md. Sharif, Puan Sharifah Kintan bte. Syed Ali.</i>

## KAMPUNG LINGGI: BEBERAPA ASPEK MENGENAI SISTEM PERHAMBAANNYA DALAM ABAD KE 18 DAN 19

Oleh  
Johari bin Talib

### Latar Belakang

Kampung Linggi adalah sebuah kampung yang terletak di daerah Port Dickson, ia adalah juga di dalam Mukim Linggi. Di samping itu terdapat beberapa kampung lain iaitu Kampung Pengkalan Dian, Permatang Pasir dan Kampung Tampin Linggi. Mukim Linggi bersempadan dengan Lubok China dan Kampung Kundur Hilir, yang kedua-duanya di dalam daerah Rembau. Satu perbezaan yang paling nyata ialah seluruh Mukim Linggi tidak mengamalkan Adat Perpatih walau-pun dikelilingi oleh kampung-kampung yang beradat perpatih.

Kampung Linggi sebenarnya tidaklah begitu asing di kalangan ahli-ahli sejarah tempatan dan penyelidik asing. Bagaimanapun kebanyakannya menyebutkan secara samar-samar sahaja tentang Linggi dan perhatian kerap kali ditumpukan kepada bidang politik dan ekonomi, tidak bidang sosial. Sejarawan luar termasuklah T.J Newbold, R.J Wilkinson, R.O Winstedt, J.M Gullick dan C.D Cowan. Penekanan diberikan kepada kepentingan Sungai Linggi sebagai jalan membawa bijih timah dari Sungai Ujung ke Melaka dan perperangan Linggi dengan Rembau. Seawal-awalnya mungkin Raja Ali Haji yang mula-mula sekali menyebutkan Linggi dari segi sejarah.

C.D Cowan (1970) cumalah memberatkan bagaimana Linggi dipengaruhi Inggeris (1), sementara J.M Gullick (1970) menyebutkan Linggi secara sepintas lalu sahaja (2). Bagaimanapun keterangan agak jelas bila Raja Ali Haji (1965) menyebutkan kemasukan orang-orang Bugis ke Linggi dan kaitannya dengan pergoletakan politik di Riau (3).

Raja Ali Haji mengatakan, "adalah di Kuala Linggi itu orang-orang Bugis mulai memasang belat mengambil ikan maka datanglah seorang suruhan Penghulu Linggi itu meminta hasil daripada Bugis itu...."(3, m.s 55). Dari kenyataan tersebut ternyata bahawa Kampung Linggi sudah pun dibuka sebelum kedatangan orang-orang Bugis lagi. Bagaimanapun beliau cuma menyebutkan Kuala Linggi dan Penghulu Linggi sahaja dan ini adalah mengelirukan. Mohammad Ali bagaimanapun menerangkan, "adalah dipercayai bahawa Bendahara Skudai telah datang tinggal bersama-sama beberapa orang Sakai di Pengkalan Dian, di dalam Linggi" (4, m.s 3). Apakah Bendahara Skudai turut menguasai Linggi?. Apakah juga Bendahara Skudai mempunyai pengikut yang terdiri dari orang-orang Sakai?. Penulis mendapat kesimpulan bahawa sebelum kedatangan orang Bugis lagi Kampung Linggi telah dibuka, cuma ia kurang penting. Kepentingannya cuma jelas berikut dengan kedatangan orang-orang Bugis akhir abad ke 18.

Kedudukan Kampung Linggi adalah begitu strategik sekali dari segi ekonomi. Ini disebabkan ia terletak di tebing Sungai Linggi yang menjadi jalan perdagangan penting antara Sungai Ujung dengan Melaka sejak Melaka dibuka lagi. Bahan dagangan utama ialah bijih timah dan tidaklah menghairankan kalau ia menjadi rebutan beberapa orang pembesar tempatan. Semasa Kerajaan Melaka mencapai kegemilangannya Sungai Linggi adalah di bawah kekuasaannya, kemudian perdagangan di sungai tersebut dikuasai oleh Portugis, Belanda, dan seterusnya Inggeris.

Dalam tahun-tahun 1770an Kampung Linggi mempunyai perkaitan rapat dengan pergoletakan politik di Riau. Riau pada masa yang sama adalah dikuasai oleh Raja Kechil dalam persaingannya dengan Bugis Lima Bersaudara di Tanah Melayu. Daeng Merewah telah mengirim orang-orangnya dari Selangor dan membuat helah memasang belat di Sungai Linggi. Tujuannya ialah untuk menyakitkan hati Penghulu Linggi. Mereka bergaduh dan Penghulu Linggi meminta bantuan Raja Kechil, sementara orang-orang Bugis dibantu oleh Bugis Selangor dan Datuk Kelana Sungai Ujung. Pasukan Bugis kemudiannya berpecah dua, sekumpulan tinggal di Linggi dan sekumpulan lagi pergi ke Riau bila mendapat berlakunya kekosongan kuasa di Riau. Orang Bugis telah menang dalam perang itu. Penghulu Linggi akhirnya mengaku taat setia kepada Bugis, "tiada menderhaka kepada Raja Bugis dan tiada khianat kepada Upu selama-lamanya". (5, m.s 16)

Tahun-tahun 1750an kejadian fitnah-menfitnah berlaku dengan hebatnya antara anak-anak Raja Bugis dengan anak-anak raja kacukan Melayu-Bugis di Riau. Daeng Kemboja yang menjadi Yamtuau Muda Riau tidak tertahan dengan keadaan itu lantas merajuk ke Linggi. Ia difitnahkan oleh menantu Sultan Sulaiman iaitu Raja Kechil Terengganu. Bila Linggi diserang Belanda beliau berundur ke Rembau tetapi tidak lama. Di Riau Raja di Baruh cuba membunuh Raja Kechil Terengganu dan akibatnya berlaku huru-hara di Riau.

Kekacauan menyebabkan ramai orang-orang Bugis Riau keluar mengadu nasib. Di antaranya terdapatlah dua beradik, yakni adik dan kakak, kakak bernama Tuk Srilah (penduduk Linggi Bugis masih memanggil nenek dengan panggilan 'datuk') sementara adik lelakinya bernama Daeng Awaluddin. Keduanya mempunyai hubungan persaudaraan yang hampir dengan Daeng Kemboja. Mereka cuba bertapak di Penajis, Rembau. Orang Rembau menerima mereka dengan alasan, "dapat juga orang Bugis mengajar kita agama". Bagaimanapun mereka gagal menyesuaikan diri di tengah-tengah masyarakat Adat Perpatih, mereka mengamalkan adat yang berbeza. Datuk Awaluddin dan kakaknya lantas berundur ke Sungai Ujong di mana mereka lebih mudah menyesuaikan diri. Datuk Kelana Sungai Ujong memberikan mereka kebenaran membuka petempatan di Kuala Linggi di sekitar 1770an. Datuk Awaluddin menaiki kapal layar bernama Bulang Seri Linggi (Bulang ialah sebuah kampung di raja di Riau) lantas cuba bertapak di Kuala Linggi, bagaimanapun tempat itu tidak sesuai untuk tanaman padi. Mereka memudiki Sungai Linggi dan menyertai Daeng Kemboja, terus membuka Kampung Linggi yang wujud hingga sekarang. Mereka menegakkan adat mereka sendiri — Adat Temenggung walaupun dikelilingi oleh Rembau dan Sungai Ujong yang mengikut Adat Perpatih. Dari segi bahasa, mereka menggunakan Bahasa Melayu loghat Melayu—Riau bukannya seperti orang Melayu Negeri Sembilan yang lain yang menuturkan dialek Minangkabau. Mulanya dahulu mereka mengadu ke Sungai Ujong dan Rembau tetapi kemudiannya ke Sungai Ujong sahaja kerana selalu berperang dengan Rembau. Bagaimanapun Bugis di Linggi sentiasa berhubung rapat dengan Selangor, Johor dan Riau.

## Latar-belakang sosio-ekonomi

Pada peringkat permulaan masyarakat Bugis Linggi mengangkat seorang penghulu tetapi sejak 1820 penghulu digelar "Datuk Muda" dan pertama kali disandang oleh Datuk Muda Abdul Rahim. Beliau menguatkan kedudukannya di Sungai Linggi dan kesannya pembesar Rembau serta Datuk Syahbandar irihiati. Mengenai hal ini Mohammad Ali mengatakan, " selama empat puluh tahun Linggi dan daerah-daerah yang melingkunginya bertelingkah kerana merebutkan keuntungan dari dagangan bijih timah", (4, m.s 16). Tiap satu bahara timah dikenakan cukai sebanyak seringgit dan empat ringgit bagi tiap kepala. Bagaimanapun hak memungut cukai tersebut dirampas Inggeris pada pertengahan abad ke 19. Cukai dipungut oleh Inggeris dan diberi sama rata antara Datuk Muda Linggi, Datuk Purba Rembau dan Datuk Syahbandar. Datuk Muda cuma diberikan pencen sebanyak \$39.00 sebulan.

Sejak awal lagi masyarakat Linggi telah biasa dengan survival dan tidak hairan kalau mereka berharta. Rumah mereka besar, bertiang lapanbelas, duapuluh empat dan lebih dari itu. Rumah beratapkan genting dan tiang tengah disilangkan lembing. Rumah ibu kepada Doktor Mohd. Said (bekas Menteri Besar Negeri Sembilan) adalah salah satu dari contohnya. Seni bina rumah adalah seni bina yang tersendiri, yang tidak berbumbungkan bentuk tanduk kerbau — Seni bina Minangkabau. Penulis sarankan bangunan baru yang dibina di Linggi mestilah meruiuk kepada seni bina tradisi nenek moyang dan tidak semestinya bentuk Minangkabau. Bahagian dapur rumah tersebut juga luas, malah terdapat bilik. Bahagian ini dipanggil rumah dapur. Anak gadis biasanya tidur di atas peran (loteng?), manakala bahagian serambi dan ruang tengahnya juga lapang. Ukiran menghiasi seni bina Bugis. Perkarangan rumah adalah luas dan rumah berisikan perkakas tembaga sebagai simbol status.

Orang Linggi telah bermiaga sejak awal lagi dan hubungan sangat erat dengan Riau. Antara pedagang yang terkenal ialah Juragan Abdul Rahman dan Mat Peral. Mereka bermiaga hingga ke Lukut, Melaka, Kuala Lumpur, malah ke Sumatra. Sumber-sumber sejarah kerap mengemukakan bahawa orang Bugis juga menjalankan kegiatan melanun di samping berdagang. Bagaimanapun apabila mereka bertapak di Linggi, keadaan agak kabur, tidak pasti sama ada mereka terus melanun atau sibuk merompak. Haruslah diingat bahawa ahli sejarah mengakui mereka adalah antara suku Melayu yang berani, pelaut yang ulung dan keras hati. Mereka ditakuti oleh pedagang Belanda dan Inggeris.

Dari segi pendidikan penduduk Linggi mungkin jauh terkehadapan dari kebanyakan orang Melayu di Negeri Sembilan. Sewaktu mereka sampai di Linggi mereka telah pun tahu membaca dan menulis jawi. Ini disebabkan Riau pernah menjadi pelabuhan penting di samping pusat perkembangan Islam awal abad ke 18. Riau menjadi pusat mengumpul bijih timah yang didatangkan dari Negeri-Negeri Melayu dan kesannya Bugis terpaksa bersaingan dengan Belanda. Merekalah yang pertama menubuhkan sekolah Melayu di Negeri Sembilan – di sekitar 1870 dan ia didirikan atas inisiatif penduduk Kampung Linggi sendiri yang memang telah sedar akan kepentingan pendidikan (7, m.s 8). Bapa kepada Allahyarham Pendita Za'ba adalah berasal dari Linggi. Waktu mudanya ia bersama dengan seorang saudaranya yang bernama Ujang/Bujang telah berjalan kaki ke Kuala Pilah, lantas bekerja di sebuah lombong di Pasuh. Akhirnya kedua Bugis tersebut berkahwin di sana. Puncanya ialah dari peranan mereka yang saban malam terpaksa menjadi "tukang cerita", tetapi bukannya seperti penglipur-lara yang menghapal, mereka sebaliknya membaca hikayat-hikayat Melayu dan akhirnya jatuh cinta, lantas terus berkahwin di sana. Kesannya Za'ba dan adiknya Allahyarham Datuk Muhammad Yusof beribukan wanita Batu Kikir tetapi bila ibunya meninggal dunia mereka pulang semula ke Linggi dan besar di Linggi.

Asas kekayaan sedemikian menyebabkan orang Linggi mampu mempunyai hamba yang dibeli. Penulis juga berpendapat mereka juga memang telah biasa mempunyai hamba kerana mereka adalah keturunan bangsawan Bugis sewaktu di Riau. Daeng Kemboja anak kepada Upu Tanderi Borong adalah saudara sepupu kepada Datuk Awaluddin dan pernah tinggal di Linggi serta memujuk saudaranya supaya pulang ke Riau tetapi gagal. Jadi bolehlah dikatakan bahawa institusi perhambaan telah wujud di Linggi serentak dengan kedatangan mereka dari Riau.

### Jenis-jenis hamba

Istilah hamba bagi orang Bugis Linggi adalah juga bermakna 'teman', malah perkataan teman lebih luas penggunaannya jika dibandingkan dengan perkataan hamba. Amnya terdapat dua jenis hamba di Kampung Linggi iaitu hamba abdi dan hamba berhutang. Hamba abdi adalah hamba yang dibeli, ditangkap, diwarisi atau hamba dari anak hamba. Hamba berhutang pula adalah orang yang menjadi hamba bila gagal melunaskan hutang-hutangnya dalam tempoh yang ditetapkan. Kebanyakan hamba yang dibeli adalah dari Melaka, Lukut, Riau malah juga Sumatra. Ia dibeli oleh pedagang-pedagang Bugis Linggi.

Kebanyakan hamba yang dibeli adalah terdiri dari orang-orang keturunan Batak, Sakai, Jawa, Habshi dan India. Paling ramai ialah keturunan Batak dan Sakai. Kebanyakan mereka adalah hamba perempuan. Hamba keturunan Habshi dibeli sewaktu orang Linggi mengerjakan haji di Mekah.

Bagi hamba berhutang pula tidak ada pembahagian yang nyata. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang Melayu bukan-Bugis dan kebanyakan mereka adalah keturunan hamba abdi yang dibebaskan. Mereka pada mulanya bebas tetapi gagal berusaha sendiri lantas terpaksa berhutang dan bergantung kepada tuanhamba dan bila gagal membayar hutang mereka terpaksa menjadi hamba semula. Mereka tidak bertanah untuk berladang dan tiada bersawah untuk berbendang. Muah tidak mahu mereka terpaksa bergantung kepada orang-orang berada di Kampung Linggi. Mereka mulanya mengambil upah mengerjakan ladang dan sawah tetapi lama kelamaan terikat dengan hutang.

Ada juga hamba berhutang menjadi hamba disebabkan perkara-perkara kecil, misalnya tidak mampu membayar hutang beras dan semuanya adalah disebabkan kemelaratan mereka sendiri sebagai keturunan hamba. Kadangkala beras yang dihutang cuma dua atau tiga gantang sahaja atau berhutang empat atau lima ringgit. Satu perkara yang mendukacitakan ialah kebanyakan mereka gagal melunaskan hutang tersebut dan terpaksa terikat begitu lama padahal hutangnya tidak seberapa. Tenaga mereka tidak dikira sebagai penolak hutang. Bagaimanapun kebanyakan pemilik hamba cenderung membebaskan hamba mereka setelah puashati walaupun hutang masih belum langsai. Orang-orang yang ditemuramah mengakui masih terdapat keturunan hamba berhutang di Linggi tetapi mereka enggan memberitahu siapa kerana dianggap sensitif.

Jelasnya hamba berhutang muncul terkemudian dari hamba abdi. Mereka menjadi hamba kerana tekanan-tekanan yang diterima selepas dibebaskan dan penulis percaya adalah juga disebabkan kerana mereka telah terbiasa menghambakan diri.

### Pemilik-pemilik hamba

Kebanyakan pemilik-pemilik hamba adalah merupakan orang-orang yang berharta di Linggi. Kesemuanya berketurunan Bugis. Mereka digelar anak waris atau anak Linggi jati dan kalau perempuan mempunyai maskahwin yang lebih tinggi dari golongan bukan-anak waris. Anak waris hingga kini menerima pencen dan berhak menyandang pangkat Datuk Muda. Lain-lain pembesar ialah Datuk Panglima Besar, Datuk Laksamana, Datuk Perang dan Datuk Kanda. Mereka inilah yang memenuhi Kampung Linggi sekarang. Cuma sedikit sahaja yang tinggal di Pengkalan Dian dan Permatang Pasir. Pemilik hamba ada juga yang berasal dari golongan sederhana sahaja, tidak semestinya kaya-raya.

Di samping mendapat punca pendapatan dari pungutan cukai, sebahagian besar dari mereka juga adalah merupakan ahli perniagaan di Selat Melaka. Datuk Muda Mat Peral adalah pedagang yang terkenal pada zamannya, begitu juga Pak Hitam Dollah. Hasil-hasil dagangan termasuklah bijih timah, rotan, damar, pinang kering, gambir dan barang-barang makanan. Beras tidak berapa menjadi di Linggi dan terpaksa dibawa masuk dari luar.

Datuk Muda Mat Peral (1870–1893) mempunyai ladang yang luas, menjadi ahli perniagaan, bersawah luas serta mempunyai dusun buah-buahan di Solok dan binatang ternak yang banyak. Beliau mempunyai beberapa orang hamba, antaranya ialah dua orang perempuan Habshi yang dibelinya sewaktu mengerjakan haji di Mekah. Di samping itu beliau mempunyai empat orang hamba Sakai dan salah seorang darinya bernama Si Sadah. Rakannya Encik Ahmad (penduduk Bugis Linggi suka menggunakan panggilan 'cik' bagi lelaki dan perempuan) juga mempunyai latar belakang yang hampir serupa dan mempunyai beberapa orang hamba turunan Batak dan Sakai. Salah seorang darinya ialah Si Kumpai yang melahirkan Si Genta (ayahnya tidak diketahui). Si Genta dibebaskan setelah dipinang orang. Pak Hitam Dollah pula mempunyai seorang hamba India bernama Si Tambi, beberapa orang perempuan Batak dan salah seorang darinya ialah Si Melor. Lain-lain ialah Si Sihat, Si Cermai dan Si Bebal. Seorang lagi contoh ialah Mohd. Noh, sungguhpun kedudukannya sederhana sahaja, namun ia masih mampu mempunyai empat orang hamba —seorang keturunan Jawa dan tiga lagi Batak.

Penulis percaya hamba adalah sesuatu yang perlu di kalangan orang yang berketurunan Bugis. Ia adalah satu simbol status kebangsawan. Orang berketurunan Bugis juga berhutang tetapi mereka tidak diperhambakan. Tidak pernah samasekali orang Linggi berketurunan Bugis memperhambakan keturunan yang serupa. Menurut Juraiyah Mohamad, kadangkala lembu tuanhamba cuma beberapa ekor sahaja tetapi diserahkan kepada seorang hamba untuk menggembalakannya.

Hamba-hamba ada yang diwarisi dari ayah ke anak, ke cucu dan seterusnya bergantung kepada umur mereka. Si Sadah misalnya diwarisi oleh anak perempuan Datuk Muda Mat Peral, begitu juga adik-beradiknya yang lain. Masing-masing mewarisi hamba-hamba ayah mereka. Anak-anak hamba perempuan yang tidak menentu ayah mereka juga diperhambakan. Si Cermai adalah anak luarnikah Si Sihat, iaitu hamba Pak Hitam Dollah. Hamba ber hutang juga ada yang diwarisi tetapi kebanyakannya diwarisi oleh anak lelaki.

### Tugas-tugas hamba

Antara hamba abdi dan hamba ber hutang terdapat perbezaan tugas. Perlulah diingat kebanyakannya hamba ber hutang adalah lelaki sementara hamba abdi adalah perempuan, jumlah lelaki lebih kecil. Hamba lelaki jika berkahwin akan membawa isterinya yang turut menjadi hamba. Hamba ber hutang biasanya disuruh bekerja di ladang, menanam tanaman seperti ubi, keladi, memproses pinang, bekerja di sawah atau menanam padi huma. Kerja-kerja tidak dikira penolak hutang . Bagaimanapun terdapat juga kelonggaran. Jika tuanhamba berniaga maka hamba ber hutang turut membantu kerja-kerja perniagaan.

Hamba ber hutang tidak ada tugas keselamatan — mempertahankan keselamatan Linggi. Puan Fatimah mengatakan perompak dari Rembau kerap menyamun waktu subuh dan malam dan rondaan terpaksa dijalankan. Sejarawan Barat seperti C.D Cowan dan R.O Winstedt turut mempersoalkan perkara ini. Di samping itu setengah tuanhamba mempunyai sikap yang liberal. Hamba ber hutang ada yang dibebaskan lebih awal, misalnya selepas bekerja dalam tempoh sebulan dan dalam konteks ini penulis yakin kerja-kerja yang dijalankan oleh hamba dikira penolak hutang. Ada juga yang ditugaskan bekerja sekerat hari sahaja, misalnya waktu petang; waktu pagi mereka bebas dengan kegiatan sendiri. Mereka juga tidak tinggal di rumah tuanhamba. Bagaimanapun hamba yang belum berkahwin kerapkali lebih suka tinggal di rumah tuanhamba. Kerapkali juga mereka dibebaskan jika tuanhamba hendak meninggal dunia. Jarang-jarang anakhamba ber hutang mewarisi status ayahnya jika ayah mereka meninggal dunia. Hutang mereka dihalalkan sahaja. Keseluруhannya tugas hamba ber hutang adalah lebih ringan.

Tugas hamba abdi lelaki juga hampir sama dengan hamba ber hutang, bezanya mereka bekerja dalam tempoh yang lebih panjang, kadangkala hingga ke akhir hayat. Abdi lelaki kurang mendapat kelonggaran seperti hamba ber hutang. Mereka terpaksa tinggal di kawasan rumah tuanhamba di samping membuat kerja-kerja rumah bersama-sama hamba abdi perempuan. Hamba abdi perempuan akan membuat semua kerja-kerja rumah seperti memasak, mengemas rumah, mengangkat air, mencari kayu api di samping menjaga anak-anak tuanhamba yang masih kecil dan jika ada yang sakit merekalah yang akan merawatnya. Pendek kata tugas mereka adalah merangkumi semua tugas di rumah. Si Sadah misalnya juga disuruh ke kedai di samping melakukan kerja-kerja yang disebutkan tadi. Si Bibah, Podhah, Si Sadah dan ramai lagi adalah tergolong ke dalam hamba yang bertugas hingga akhir hayat. Mereka enggan dibebaskan. Mereka tak tahu ke mana hendak dituju dan setengahnya sudah terlalu tua. Di samping itu mereka juga melakukan kerja-kerja di sawah dan di ladang bersama-sama hamba lelaki. Kadangkala mereka dipinjam oleh saudara-mara tuanhamba.

Tidak jelas sama ada hamba perempuan digundukkan. Kebanyakannya orang yang ditemuramah menafikannya. Bagaimanapun hamba perempuan yang muda kerap menjadi mangsa perkosaan anak-anak muda. Misalnya Si Kumpai, Si Melor, Si Sihat, anak-anak yang mereka lahirkan tidak diketahui siapakah ayah mereka. Selalunya mereka diperkosa sewaktu bertugas jauh dari rumah. Jadi tugas mereka sebagai gundik adalah terlalu kabur. Bagaimanapun jumlah mereka yang mengandung adalah tidak sedikit dan ini masih boleh dipersoalkan. Penulis percaya mungkin terdapat tuanhamba yang menggundukkan hambanya tetapi dikatakan orang lain demi menjaga maruah. Atau mungkin juga hamba tersebut menjadi gundik kepada anak lelaki mereka.

Mengenai tugas hamba perempuan tadi, penulis berpendapat elok kaftan diberikan contohnya di sini. Antara tugas yang berat ialah mengangkat air. Air diangkat dengan pian — ruas buluh yang besar. Pergi orang Linggi kerap kali dalam dan jauh dari rumah. Bahagian keliling pergi dikepung dengan tembok tanah untuk melindungi anak gadis mandi. Ada juga hamba perempuan yang ditugaskan mencari wang. Si Melor disuruh menjual kuih dengan berkemban sahaja, kuih dimasukkan ke dalam dulang dan dijunjung. Hamba lelaki juga mencari rotan, menangkap ikan dan kadang-kala bercampur dengan hamba berhutang. Binatang ternakan biasanya diuruskan oleh anak-anak hamba. Si Tambi paling teruk bekerja jika dibandingkan dengan rakan hambanya yang lain. Ia dibeli sewaktu masih kanak-kanak lagi. Waktu kecil tugasnya ialah menjaga lembu dan selagi lembu tidak pulang ia takut untuk pulang, takut dipukul oleh tuanhamba.

### Layanan terhadap hamba

Kebanyakan hamba terutama hamba abdi diberikan layanan yang buruk. Semuanya bergantung kepada tuanhamba. Sebilangan kecil masih ada yang memberikan layanan yang baik kepada hamba-masing-masing. Si Sihat misalnya diberikan pakaian selengkapnya. Kebanyakan wanita Linggi suka memakai baju kurung dan bila keluar rumah akan menutup rambut serta paras dada dengan sehelai lagi kain batik. Si Melor pula menerima layanan yang kurang baik dari tuanhamba. Beliau cuma berkemban sahaja bila menjual kuih dan tidak hairan kalau kerap menjadi mangsa perkosaan pemuda-pemuda nakal. Jelasnya kebanyakan pakaian hamba lelaki dan perempuan adalah ala kadar sahaja.

Mengenai hamba berhutang pula, tuanhamba tidak langsung memperdulikan pakaian mereka. Bergantunglah pada usaha mereka sendiri untuk mendapatkan pakaian. Selalunya pakaian tuanhamba yang sudah tidak dipakai lagi akan diberikan kepada hamba-hambanya. Ada juga tuan hamba yang baik hati menghadiahkan pakaian baru sewaktu Hari Raya. Bagaimanapun jumlahnya adalah kecil.

Tentang makanan dan layanan juga bergantung kepada tuanhamba. Si Melor cuma mendapat lebihan makanan tuanhamba, begitu juga rakan-rakannya yang lain. Bagaimanapun hamba perempuan jarang menghadapi masalah makanan kerana mereka adalah juga tukang masak. Hamba lelaki selalunya mendapat makanan secara ala kadar sahaja. Tuanhamba yang berhati perut akan menghantarkan makanan ke ladang untuk habuan hamba-hambanya. Ada juga yang membiarkan hamba-hamba tersebut mengusahakan makanan mereka sendiri waktu mereka bekerja di ladang.

Hamba abdi perempuan kebanyakannya tidur di dapur. Bahagian dapur yang dipisahkan oleh pelantar mempunyai ruang yang luas serta mempunyai bilik dan di sanalah hamba perempuan tidur. Bagaimanapun mereka kerap diganggu pada waktu malam hari. Lebih-lebih lagi kebanyakan mereka adalah kebodoh-bodoahan. Hal ini mungkin disebabkan tekanan-tekanan yang mereka alami setiap hari. Hamba lelaki kebanyakannya tinggal di bangsal khas di tepi rumah tuanhamba. Mereka bertugas menjaga perkarangan rumah tuanhamba supaya tidak dimasuki pencuri.

Ada juga tuanhamba yang memukul hamba-hamba mereka yang kadangkala disebabkan perkara-perkara yang kecil sahaja, misalnya lambat menurut perintah, lambat memasak, lembu lambat pulang dan sebagainya. Mereka membiarkan sahaja diri masing-masing dipukul dan tidak hairan kalau ramai yang pendek umur.

## **Agama hamba**

Hampir kesemua hamba-hamba adalah beragama Islam. Mereka diislamkan sebaik sahaja mereka diperolehi. Melor dan Sadah adalah keturunan Batak dan diislamkan sebaik sahaja sampai ke Linggi. Dari satu segi, penduduk Linggi masa itu bolehlah dikatakan pengikut Islam yang teguh. Kaum wanitanya akan menutup kepala dan dada dengan sebuah lagi kain sarung apabila keluar rumah. Tradisi menulis kitab-kitab agama dan al-Quran telah wujud serentak dengan pembukaan Kampung Linggi dan tradisi ini dibawa dari Riau. Buku-buku agama, kitab-kitab tafsir tulisan tangan masih terdapat dalam simpanan penduduk Linggi Bugis (Pameran Seni Khat anjuran Universiti Malaya 1975 turut memperkenalkan koleksi dari Linggi). Begitu juga rumah-rumah tua, masih jelas mempunyai ukiran halus berisikan ayat-ayat suci, terutamanya pada bahagian tiang dan jenang. Masjid yang dibina dalam tahun 1880an masih kukuh hingga hari ini dan mimbarnya sangat menarik.

Bagaimanapun satu perkara yang menghairankan ialah kenapa mereka mengamalkan perhambaan?. Tidakkah perkara itu bersalah dari segi agama?. Andaian bahawa mereka tidak sedar akan perkara itu adalah kurang tepat kerana mereka telah mampu menafsir, malah menterjemah al-Quran!. Allahyarham Pendita Za'ba misalnya mempelajari Bahasa Arab dari seorang penduduk Linggi yang mempelajari bahasa itu di Mekah (5, m.s 21). Penulis rasa perhambaan adalah merupakan satu simbol status dan mungkin juga satu 'escapism' — mereka adalah keturunan bangsawan terbuang dan sewaktu di Riau mempunyai kedudukan baik dan di tempat orang masih terus tidak ingin melupakan kegemilangan masa lalu.

Bagaimanapun jika dibandingkan dengan perhambaan di Perak, keadaan di Kampung Linggi sangat berbeza. Misalnya kebanyakan hamba perempuan di Perak dipaksa melacurkan diri dan wangnya diambil oleh isteri tuanhamba. Di Kampung Linggi hamba-hamba dibebaskan akhirnya nanti tidak kira sama ada mereka hamba abdi atau hamba berhutang. Pembebasan atau merdaheka (menurut istilah Bugis Linggi) adalah melalui upacara-upacara tertentu.

Apabila hamba-hamba meninggal dunia mayat mereka diuruskan selengkapnya menurut cara Islam. Sadah dan Podah misalnya meninggal dunia di rumah tuannya. Pada mulanya terdapat pertelingkahan tentang di manakah mayat itu hendak diuruskan kerana beliau tinggal di bahagian dapur, tetapi akhirnya mayat itu diuruskan di ruang tengah rumah tuanhamba. Disanalah mayat tersebut dimandi dan dikaparkan. Sungguhpun begitu kubur mereka agak tersing sedikit dari kubur penduduk Bugis Linggi. Alasan yang diberi ialah untuk memudahkan sanak-saudara menziarahi kubur keluarga mereka dan oleh itu kubur orang lain mestilah tersing sedikit. Penulis percaya tuduhan pengasingan kubur berasaskan taraf itu tidak dapat diterima.

## **Nama hamba**

Apabila diteliti nama-nama hamba, terutamanya hamba abdi, terasa satu macam kejanggalan kerana nama-nama tersebut tidak mempunyai maksud yang baik. Ini adalah satu perkara biasa, hamba dipandang rendah, jadi nama mereka juga mestilah berbeza. Pandangan rendah ini tentulah berbeza keadaannya dengan pandangan sewaktu mereka meninggal dunia kerana keadaannya berbeza samasekali.

Nama-nama seperti Si Sadah, Si Kumpai, Si Serai, Si Cermai, Si Genta dan lain-lain lagi adalah nama tumbuhan yang jarang digunakan untuk nama wanita. Nama Sadah mungkin berasal dari perkataan 'haram zadah', iaitu sesuatu yang tidak berguna lagi. Kumpai adalah sejenis rumput yang sering menganggu pergi, sawah dan mestilah dihapuskan. Cermai pula adalah sejenis buah yang masam dan bagi orang biasa jarang yang bernama Serai. Selalunya nama-nama anak perempuan dahulu kalau berdasarkan 'flora dan fauna' adalah seperti nama-nama bunga yang

menarik seperti Kenanga, Melor, Melati bukannya Cermi, Kumpai atau Serai. Di sini Melor juga seorang hamba tetapi ia lebih jelita dan berkulit cerah, berbeza dengan rakannya yang lain. Si Serai adalah anak seorang hamba yang dijumpai di rumpun serai.

### **Pembebasan terhadap hamba**

Satu perkara yang penulis anggap menarik ialah aspek pembebasan hamba. Kebanyakan hamba abdi dan hamba berhutang akan dibebaskan kecuali jika mereka enggan. Podah, Bibah dan Sadah misalnya enggan dibebaskan walaupun mereka diberi peluang. Mungkin disebabkan mereka telah tua dan tiada tempat hendak dituju.

Umumnya terdapat dua cara pembebasan. Cara pertama ialah dengan membuat perisytiharan di masjid dan cara kedua ialah dengan menjemput orangramai ke rumah tuanhamba untuk menghadiri satu majlis kenduri merdaheka. Dalam cara kedua orang kampung akan berkumpul dan perisytiharan akan dilakukan. Biasanya cara pertama adalah untuk lelaki dan kedua untuk hamba perempuan. Tuanhamba dan hamba akan bermaaf-maafan, bertangis-tangisan dan minta halal-menghalal. Si Tambi, Si Serai, Si Cermi dan ramai lagi adalah dibebaskan dengan cara ini.

Kadangkala pembebasan adalah dijalankan dahulu sementara kendurinya terkemudian. Perisytiharan dianggap wajib, jika tidak pembebasan dianggap tidak sah sampai tujuh keturunan. Penulis kira perkara penting di sini ialah perisytiharan memberikan satu macam pengiktirafan dan hamba yang bebas diketahui ramai dan tidaklah menjadi 'the runaway slave'.

Tentang cubaan lari memang ada. Bagaimanapun jumlahnya tidak ramai. Umumnya hamba mempunyai sifat setia dan jarang-jarang lari. Kalau lari pun selalunya tidak jauh, selalunya ke kampung-kampung yang berdekatan dan berjaya ditangkap semula. Ada juga yang terus dibiarkan begitu dan tidak dijalankan usaha menangkapnya semula. Apabila ditangkap semula mereka tidak pulak dihukum berat.

### **Perkahwinan hamba**

Hamba-hamba juga dikahwinkan kalau ada jodoh. Hamba-hamba akan berkahwin dengan hamba, tidak kira hamba abdi atau hamba berhutang. Perkahwinan akan diikuti dengan pembebasan. Si Tambi dibebaskan bila hendak berkahwin, begitu juga Si Genta dan Si Serai. Mereka dikahwinkan oleh tuanhamba menurut adat orang-orang Bugis Linggi.

Biasanya pasangan-pasangan yang berkahwin enggan tinggal di Kampung Linggi. Cuma sebilangan kecil sahaja menetap di Kampung Linggi, selebihnya berpindah ke kampung-kampung lain. Bagaimanapun menurut orang tua Linggi keturunan mereka masih ada lagi hingga ke hari ini. Perpindahan dari kampung tempat mereka diperhambakan adalah perlu untuk melupakan kenangan pahit yang pernah mereka alami dan membina hidup baru. Jika mereka terus tinggal di Kampung Linggi pasti mereka dianggap golongan kelas dua dan terus mengharap belas kasihan Bugis Linggi. Di tempat baru orang tidak tahu asal-usul mereka dan ini memudahkan mereka bergerak. Faktor ekonomi juga menyebabkan perpindahan itu. Jika mereka menetap di Linggi peluang mereka untuk membuka tanah atau hidup berdikari adalah tipis dan mahu tidak mahu mereka terpaksa mengharap belas kasihan orang lain.

## Lain-lain aspek mengenai hamba

Dari segi perawakan dan personaliti, hamba-hamba mempunyai sifat pendiam dan kurang berminat untuk berbual dengan orang biasa. Sekiranya mereka tidak mempunyai kerja mereka lebih cenderung menghilangkan diri, misalnya duduk-duduk di pondok sawah, ladang dan di dusun. Mereka enggan mencampuri orang lain walaupun kadang-kadang diberi peluang berbuat demikian. Kalau ada tetamu datang ke rumah tuanhamba mereka cepat-cepat menyorokkan diri. Begitu juga pada hari perkahwinan, hari raya dan lain-lain perayaan, mereka lebih suka memencilkan diri. Penulis yakin inilah yang dikatakan 'jiwa hamba' Kebanyakan mereka kurang akal, selorong dan kebodoh-bodoohan. Mungkin tekanan-tekanan yang dikenakan terhadap mereka menyebabkan mereka berpersonaliti begitu.

## Penutup

Keseluruhan sistem perhambaan di Kampung Linggi terhapus di sekitar abad ke 20. Bagaimanapun sehingga 1910 masih terdapat lagi saki-baki mereka. Ini disebabkan pembebasan yang dilakukan di kalangan hamba di samping faktor ekonomi.

Tamatnya institusi perhambaan ini penulis percaya berkaitan rapat dengan bidang perekonomian penduduk Kampung Linggi. Ekonomi merekaerosot sejak Inggeris mengambil alih pungutan cukai di Sungai Linggi sejak pertengahan kedua kurun ke 19 lagi. Kesannya anak waris tidak begitu mampu mengekalkan perhambaan. Ekonomi tanaman matawang tambah berkembang dan jalanraya mulai penting dan haruslah diingat Kampung Linggi di kelilingi oleh ladang-ladang getah Inggeris. Nilai pencen yang anak waris terima tidaklah seberapa dan sehingga kini pindaannya sangat menyedihkan.

Walaupun tanaman wang seperti getah dan kopi mulai diperkenalkan sejak awal abad ke 20 tetapi nampaknya Bugis Linggi kurang terlibat secara besar-besaran. Seperti biasa ini adalah berkaitan rapat dengan dasar Inggeris yang tidak mahu mengganggu penduduk tempatan. Sungguhpun begitu ramai di antara anak waris cuba mencari pengaruh di bidang lain seperti perniagaan dan perdagangan. Anak-anak waris diterima memasuki Kolej Melayu Kuala Kangsar, setaraf dengan anak-anak bangsawan Melayu lainnya.

Bagaimanapun di kalangan orang-orang tua kenangan terhadap perhambaan masih terus kekal dalam ingatan mereka. Anak-anak waris kadang-kala kalau hendak memilih jodoh dibisikkan di telinga mereka siapakah yang berketurunan hamba. Bagaimanapun penulis yakin ingatan ini akan terus lenyap bila generasi tua digantikan oleh generasi muda.

(Artikel ini adalah kenang-kenangan buat Ahmad Taib bin Haji Ismail)

## Bibliografi

1. Cowan, C.D., Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
2. Gullick, J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
3. Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis, Malaysia Publication, Singapura, 1965.
4. Mohammad Ali bin Haji Abdul Aziz, Sejarah dan Adat Linggi, Satu Kajian Ilmiah untuk B.A (Hons.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1960.
5. Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, Pendita Za'ba Dalam Kenangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
6. Aminuddin bin Baki, Debt Slavery in Perak. Artikel tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975.
7. Jawatankuasa Penulisan, Sejarah Sekolah-Sekolah di Negeri Sembilan, 1870–1970, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, 1982.
8. Zainal Abidin Wabid, Sejarah Malaysia Sepintas Lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
9. Haji Buyong Adil, Sejarah Johor, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.

## Sumber-sumber Lisan.

1. Muhammad Yusof bin Ahmad (Allabyarham): Adik kepada Allabyarham Za'ba, merupakan tempat merujuk sejarah Linggi yang penuh fakta. Semasa bayatnya beliau berusaha mengumpulkan bahan-bahan sejarah yang tidak termilai pentingnya. Temuramah—10 Disember, 1976.
2. Fatimah bt. Abdul Jabar : Umurnya 105 tabun dan adalah merupakan antara orang Linggi yang tertua, melihat sendiri hamba-hamba di rumah ayah saudaranya iaitu Datuk Muda Mat Peral. Temuramah: 21 November, 1976.
3. Juraiyah bt. Mohammad : Umurnya 70 tahun, mengetahui segala asal-usul penduduk Linggi, beliau anak bungsu dan paling lama tinggal dengan ayahnya, ayahnya kerap bercerita tentang perkara yang berlaku di Linggi. Temuramah : 21 November, 1976.
4. Sinot bt. Mohd. Nob : Umurnya 69 tabun, ayahnya pernah mempunyai hamba, waktu kecil pernah melihat saki-baki hamba ayahnya, banyak juga mendengar kisah perhambaan dari ayahnya. Temuramah : 22 November, 1976.
5. Arfab bt. Ahmad : Umurnya 77 tabun, suaminya ialah Datuk Perang Abdul Samad, pernah melihat perhambaan semasa kecilnya dan banyak mendapat maklumat dari suaminya. Temuramah : 2 Disember, 1976.

Selain dari nama-nama di atas penulis juga telah menemuramah ramai lagi orang-orang tua di Kampung Linggi dan mereka memberikan bahan yang hampir serupa. Nama-nama yang tertera di atas adalah nama-nama yang banyak menyumbangkan sumber dan maklumat untuk artikel ini. Penulis mencucupkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka.

**NAMA BARU JALAN-JALAN  
BANDAR SEREMBAN**

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<b>PUSAT BANDAR</b>	
Jalan Templer	Jalan Tun Dr. Ismail
Jalan Birch	Jalan Dato' Bandar Tunggal
Jalan Paul	Jalan Yam Tuan
Jalan Lemon	Jalan Tuanku Munawir
Jalan Tuan Sheikh	Jalan Dato' Sheikh Ahmad
Jalan Cameron	Jalan Dato' Lee Fong Yee
Jalan Tunku Hassan	Jalan Tunku Hassan (tiada perubahan)
Jalan Wilsinson	Jalan Dato' Abdul Rahman
Jalan Carew	Jalan Dr. Krishnan
Murray Street	Jalan Kapitan Tam Yeong
Jalan Lee Sam	Jalan Lee Sam (tiada perubahan)
Jalan Simpson	Jalan Dr. Samuel
Jalan Lister	Jalan Dato' Hamzah
Jalan Rahang	Jalan Tuanku Antah
Jalan Butler	Jalan Yazid Ahmad
Jalan Singapura	Jalan Siow Loong Hin
Jalan Sungai	Jalan Kong Sang
Jalan Dewan Bandaran	Jalan Utam Singh
Jalan Pasar	Jalan Pasar (tiada perubahan)
Jalan Wallich	Jalan Dr. Murugesu
Jalan Labu Spur	Jalan Sungai Ujong
Java Lane I	Lorong Jawa Satu
Java Lane II	Lorong Jawa Dua
Jalan Depan New International Hotel	Jalan Veloo
Jalan Bomba	Jalan Lim Kee Siong
Jalan Melaka	Jalan Dato' Abdul Kadir
Lorong antara kuil sikh dengan bangunan tambahan Majlis Perbandaran Seremban.	Lorong Khalsa

<b>Nama Sekarang</b>	<b>Nama Yang Dicadangkan</b>
<b>KAWASAN SIKAMAT</b>	
Jalan Dunman	Jalan Tuan Haji Said
Jalan Cemetery	Jalan Tunku Kurshiah
Jalan Channer	Jalan Dato' Siamang Gagap
Jalan Connection	Jalan Tok Dagang
<b>KAWASAN RAHANG</b>	
Jalan Hose	Jalan Za'aba
Jalan Berhala	Jalan Berhala (tiada perubahan)
Jalan Wise	Jalan Dato' Muda Linggi
Jalan Taman Bunga	Jalan Taman Bunga (tiada perubahan)
Jalan Egerton	Jalan Penghulu Chantik
Jalan Rahang Square	Jalan Medan Rahang
Jalan Keliling	Jalan Keliling (tiada perubahan)
Jalan Banks	Jalan Dr. Chong Ah Khoon.
Jalan Kiernan	Jalan Muti Ahmad
Lorong Green	Jalan Aminudin Bakri
Jalan Gereja	Jalan Gereja (tiada perubahan)
Jalan Braddon	Jalan Tetamu
Jalan Singkat	Jalan Singkat (tiada perubahan)
Jalan Ridgeway	Jalan Raja Muda Ali
Jalan Loop	Jalan Tok Ungku
Jalan Mutton	Jalan Gan Tam
Jalan Wong Yik Tong	Jalan Dato' Wong Yik Tong
<b>KAWASAN RASAH</b>	
Jalan Rasah	Jalan Rasah (tiada perubahan)
Jalan Dr. Muthu	Jalan Dr. Muthu (tiada perubahan)
Jalan Bukit Rasah	Jalan Bukit Rasah (tiada perubahan)
Jalan Bukit Tembok	Jalan Bukit Tembok (tiada perubahan)

<b>Nama Sekarang</b>	<b>Nama Yang Dicadangkan</b>
<b>KAWASAN KAMPONG BARU JALAN DATO' KLANA</b>	
Jalan Dato' Klana	Jalan Dato' Kelana Ma'amor
Jalan Kilat	Jalan Kilat (tiada perubahan)
Jalan Swettenham	Jalan Dato' Abdullah
Jalan Dato' Bandar	Jalan Lt. Adnan
<b>KAWASAN TEMIANG</b>	
Jalan Limbok Atas	Jalan Seng Meng Lee
Jalan Limbok Bawah	Jalan Quek Kai Dong
Jalan Temiang	Jalan Temiang (tiada perubahan)
Jalan Tembak	Jalan Han Hui Foong
Jalan Sasaran	Jalan Muthu Cumaru
Jalan Tembak Batu	Jalan Lam Teck Choon
Jalan Lobak	Jalan Manickavasagam
Jalan Locke	Jalan Nunis
Jalan Cumming	Jalan Haji Abdul Hamid (Disatukan dengan Jalan Haji Abdul Hamid yang sedia ada)

**LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1982 – 1983**

1	<b>Jawatankuasa Kerja</b>		
1.1	Yang Di Pertua	—	YAB Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC.
1.2	Naib Yang Di Pertua	—	Pengarah Pelajaran N.S. (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
1.3	Setiausaha Kehormat	—	Encik Ismail b. Abd. Hadi, AMN, PJK.
1.4	Pen. Setiausaha Kehormat	—	Encik Abd. Aziz bin Salleh
1.5	Bendahari	—	Encik Tan Chee Peng, AMN.
1.6	Jawatankuasa	—	Encik Nordin bin Bakri Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tn. S. Jaafar b. S.A. Rahman, PJK. Tn. Hj. Mohd. Ariff bin Osman Pn. Kamariah bt. Hj. Sabeh
1.7	Pengarang	—	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

**2. Mesyuarat Jawatankuasa**

Sepanjang tahun 1982 jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 2 kali. Senarai kehadiran adalah seperti di bawah:

Bil.	Nama	Tarikh Mesyuarat		
1.	YAB. Dato' Mohd. Isa	H	H	2/2
2.	Dr. Wan Mohd. Zahid	H	H	2/2
3.	Encik Ismail	H	H	2/2
4.	Encik Abd. Aziz	TH	H	1/2
5.	Encik Tan Ghee Peng	H	H	2/2
6.	Encik Nordin	H	H	2/2
7.	Encik Hashim	H	H	2/2
8.	Tn. S. Jaafar	TH	TH	0/2
9.	Tn. Hj. Mohd. Arif	H	TH	1/2
10.	Pn. Kamariah	H	H	2/2

Kedua-dua mesyuarat ini semua Pengurus PSM/CNS peringkat Kawasan dan Urusetia Majlis Kebudayaan Negeri telah dijemput sebagai pemerhati dan jemputan khas. Tempat mesyuarat di Bilik Gerakan, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

**3. Jawatankuasa Biro-Biro**

PSM/CNS ini hanya ada dua biro, iaitu Penyelidikan dan Penerbitan.

### **3.1. Biro Penyelidikan**

#### **3.1.1. Ahli Jawatankuasa**

Pengerusi:	Tuan Hj. Mohd. Nor Long, PMV
Setiausaha:	Encik Abd. Aziz Salleh
Jawatankuasa:	Encik Nordin Bakri Tuan Hj. Mohd. Arif Osman Tuan S. Jaafar S. A. Rahman, PJK Dato' Hj. Mohd. Sharif F. Hassan PPN, PJK Puan Kamariah Hj. Sabeh Puan Norini Ali Puan Echam Hj. Hasan

#### **3.1.2. Kegiatan**

Biro ini meneruskan usaha dan projek yang telah dirancang di samping bekerjasama dengan projek PSM/CNS sendiri.

### **3.2. Biro Penerbitan**

#### **3.2.1. Ahli Jawatankuasa**

Pengerusi:	Encik Hashim Jasa, AMN
Setiausaha:	Encik Remthan Hi. Maarof. PJK
Jawatankuasa:	Dato' Hj. Mohd. Sharif, PPN, PJK Encik Tan Ghee Peng, AMN Encik Mustafa Hj. Sharif Encik Ahmad bin Sihat Encik Mohd. Hisa Tahat Cik Vicki Mutti PPN, PPT. PJK Puan Hj. Aishah Md. Sharif Puan S. Kintan S. Ali

#### **3.2.2. Kegiatan**

Biro ini telah dapat menerbitkan majalah 'Warisan'. Telah dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Ianya telah diedarkan kepada ahli-ahli dan juga pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu biro ini juga telah bekerjasama dalam menguruskan pertandingan mengarang sejarah.

Penerbitan majalah 'Warisan' seterusnya telah pun diatur di mana pengumpulan makalah telah dijalankan dan dijangka dapat diterbitkan tahun 1983.

### **4. Kegiatan Umum:**

#### **4.1. Mini Muzium dan Pusat Kraftangan**

Kerajaan Negeri Sembilan telah membentuk Jawatankuasa Mini Muzium dan Pusat Kraftangan. PSM/CNS adalah menduduki Jawatankuasa ini. Satu kertas kerja berhubungan dengan pengisian ruang dalam bagi Mini Muzium dan Kraftangan itu telah disediakan oleh persatuan ini.

#### **4.2. Penukaran Nama Jalan**

Majlis Perbandaran Seremban telah membentuk satu Jawatankuasa Penukaran Nama Jalan dan Tempat bagi Perbandaran Seremban. PSM/CNS telah dilantik bersama menganggotai Jawatankuasa ini. Kerja-kerja penukaran nama ini telah selesai dan cadangan Jawatankuasa ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kelulusan EXCO.

#### **4.3 Berita Dari Jendela**

Sepanjang tahun 1982, berdasarkan kegiatan dan perkara-perkara yang melibatkan persatuan ini, maka Berita Dari Jendela hanya dapat diterbitkan sebanyak dua kali sahaja. Kebanyakan berita tersebut adalah sebahagian besarnya daripada kegiatan negeri. Diharap untuk masa hadapan akan banyak berita kawasan dapat dimuatkan untuk pengetahuan seluruh ahli. Sementara itu pihak PSM Pusat menyedut beberapa berita daripada Dari Jendela ini untuk dimuatkan pula ke dalam Berita PSM Pusat.

#### **4.4 Kuiz Sejarah Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan**

Seperti tahun-tahun sebelumnya Persatuan ini adalah terlibat dan memberikan kerjasama erat bagi menjayakan pertandingan kuiz ini dari peringkat sekolah, Zon Kawasan, Negeri, Zon Selatan dan seterusnya ke peringkat Pusat.

Bagi tahun 1982 ini pertandingan peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 3hb. April, 1983 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau muncul sebagai johan merebut Tropi Pusingan, hadiah daripada KARYA BISTARI SDN. BHD. KUALA LUMPUR. Naib Johan ialah Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Undang Jelebu mendapat tempat ketiga.

#### **4.5 Azam dan Citarasa 1983**

Memandangkan perkembangan yang begitu menggalakkan dan kegigihan setiap Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini begitu tinggi maka persatuan ini akan dapat mempertingkatkan lagi hasil sepertimana program-program yang telah disusun. Namun begitu kejayaan-kejayaan akan meningkat lagi dengan bantuan erat dan kerjasama daripada seluruh ahli.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Penyata Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1982)**

**Penerimaan**

Baki pada 31.12.1981	3,919.12
Yuran Ahli Institusi @ 30.00 x 16	480.00
Yuran Ahli Perseorangan @ 15.00 x 3	45.00
Sumbangan dari Yayasan NS	5,000.00
Sumbangan Lain	8.00
Bayaran diterima daripada jualan 'Warisan ke 6' @ 4.00 x 233	932.25

10,384.37

**Perbelanjaan**

Perbelanjaan kepada Persatuan Sejarah Malaysia	341.60
Pusat bagi tahun 1981	
Alatulis	123.30
Setem	20.00
Peracetakan 'Warisan ke 6' x 1,000	3,123.80
Cenderamata-cenderamata kepada penulis.	
penulis makalah	
Membeli terbitan-terbitan	
Belanja mesyuarat AJK	450.00
Tambang ke mesyuarat Agung PSM pusat bagi	21.00
3 orang wakil PSIMCNS	20.00
Cek dipulangkan oleh bank dan setem	25.00
Baki pada 31.12.1982	4.75

10,384.37

Kunci Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1.1.1982 hingga 31.12.1982)

**Tanggungan**

Lebihan penerimaan daripada perbelanjaan	2,335.80
Baki daripada tahun 1981	3,919.12
	<u><u>6,254.92</u></u>

10,384.37

**Harta**

Baki dalam bank	6,254.92
	<u><u>6,254.92</u></u>

Saya mengesahkan bahawa penyata dan kunci kira-kira di atas adalah benar.

t.t.

(MOHD. ZAIN BIN HJ. RAIS PJK)

Juruaudit Ke hormat

t.t.

(Tan Ghee Peng AMN)

Bendahari Ke hormat